



# KOPI PAHIT

Tatkala membidas Dato' Mohd Asri tentang pembangunan luar bandar, Tun Abdul Razak menyindir dengan mengatakan bahawa "mendirikan sebuah masjid di Kota Bharu ibu negeri pun tidak dapat." Kata-kata itu atau sindiran ini seolah-olah mengatakan "betapa megahnya Masjid Negara yang didirikan di ibu kota yang memakan belanja 10 *million* dan yang terbaik sekali di Tenggara Asia." Mengapa perkara pembangunan dibabit pula perkara masjid?! Orang tahu bahawa menurut Tengku, Masjid Negara 80 peratus wang ramai daripada orang Cina dan "termasuk wang loteri." Apakah orang digalakkan mengadakan masjid di sana-sini dengan wang loteri? Mungkin Dato' Asri boleh menjawab Tun dalam hal ini bahawa orang-orang Kelantan masih "geli dan jijik" hendak memakai wang loteri untuk mendirikan masjid kerana terang-terang wang yang diperuntukkan buat membina masjid-masjid yang dibuat oleh Jabatan Luar Bandar itu adalah wang loteri. Tidakkah Menteri Kebudayaan Tuan Hamid Khan sudah menceritakannya? Mā shā-Allāh!

\* \* \*

Tun Adul Razak telah nampak dan menunjukkan ketidak puasan hatinya melihat kurangnya pelajar-pelajar di maktab tinggi dan di universiti. Perhatian ini mudah-mudahan mengiatkan lagi beliau mengkaji sebab musababnya orang-orang Melayu kurang dalam bahagian itu. Kekurangan ini bermakna juga kelak lama-kelamaan negeri Melayu tidak lagi diperintah oleh orang-orang Melayu tetapi oleh orang-orang asing yang sudah jadi rakyat negeri ini. Lihatlah sahaja seruan mereka sehingga mereka mahukan raja-raja Melayu dihapus. Jangan lambat-lambat Tun! Bahayanya sudah hampir ke hidung.

\* \* \*

Kongres Kaum India di dalam keputusannya menghendaki orang India menumpahkan taat setianya di Malaysia dan

...dan... memuji timbang rasa Tengku atas penggunaan bahasa lain dari Bahasa Kebangsaan iaitu hendak notis-notis atau tulisan-tulisan jalan, notis keretapi dibuat juga dengan Bahasa Tamil. Bahasa Kebangsaan yang dikehendaki sesudah tahun 1967 ialah bahasa tunggal ertinya bahasa itu sahaja digunakan sebagai bahasa rasmi, tentunya termasuk tulisannya! Apakah maksud ini, pahlawan Bahasa Kebangsaan – Habib Nasir perlu memerhati ini!

\* \* \*

Ahli-ahli parlimen di ibu kota Malaysia selalu pula terdengar ada sungutan mengenai lawatan-lawatan ke luar negeri dan ada pula yang pakai sindiran itu tak kena dan duta ini tidak bekerja. Kalau dihalusi nampak rupanya masih banyak anggota parlimen itu yang "doyan" mahu jalan-jalan keluar negeri dengan percuma. Adakah benar tekaan ini?

\* \* \*

Banyak berita-berita dan siaran-siaran mengenai Persidangan Parlimen di Kuala Lumpur – bidasan dan balasan bidasan tetapi lama pula rasanya orang-orang tidak mendengar ada bidas membidas dalam Dewan Singapura. Barangkali tidak ada yang perlu dan semuanya teratur dengan baik! Mudah-mudahan!

\* \* \*

Tahun ini di Singapura diadakan dua kali bulan Bahasa Kebangsaan – bagus dan luar biasa tetapi ada pula orang bertanya-tanya mengapa pula masih ada surat-menyurat berkenaan dengan bulan Bahasa Kebangsaan itu ditulis di dalam Bahasa Inggeris? Orang menggaru kepala memandangnya!

\* \* \*

Menurut Perdana Menteri Lee 90 inci hujan setahun di Singapura. Betul! Tetapi bagaimana hendak menampungnya supaya Singapura tidak bergantung kepada Johor. Yang peliknya kita di sini, di negeri yang banyak hujan selalu menderita kemarau dan kekurangan air tetapi di Tanah Hijaz airnya mencurah-curah dan terus menerus ada sekalipun *bermillion-million* manusia ke sana. Itulah hikmah Tuhan – dan sebab itulah mesti selalu ingat kepada Tuhan – jangan semata-mata kepada kebendaan.

- Cemeti al-Farouk.